

# IPT digalak jaya program hijaukan bumi

BH (NASIENAL) // FGB m/s JF

**Kuantan:** Institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta di Pahang diminta menyertai program menghijaukan bumi termasuk menanam pokok di kawasan masing-masing dengan kerjasama Jabatan Perhutanan.

Pengarah Perhutanan Pahang, Datuk Mohd Paiz Kamaruzaman, berkata pihaknya akan menyediakan anak pokok dan medium penanaman, bagi meningkatkan kesedaran generasi muda mengenai pemeliharaan alam sekitar dan membantu usaha kerajaan menambah jumlah pokok untuk menghijaukan kawasan lapang.

"Pokok yang ditanam juga mampu mengurangkan risiko hakisan. Setakat ini, hanya beberapa pusat pengajian tinggi di negeri ini sering terbabit dalam aktiviti menanam pokok, antaranya Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS).

"Setiap tahun pelajar UMP menyertai aktiviti menanam pokok terutama pokok ru di pantai Kampung Sepat, di sini, termasuk lebih 1,000 pelajar baharunya tahun lalu. UMP juga menjadikan beberapa kawasan di situ sebagai anak angkat," katanya, di sini semalam.

Katanya, penggantian pokok mati turut dilakukan bagi memastikan projek terbabit berjaya, termasuk yang diusahakan oleh pelajar dan kakitangan POLISAS yang menanam pokok bakau di kawasan Sungai Cherating.